



PANDUAN ATURAN KERJA FLEKSIBEL
**HARI CUTI
PILIHAN PEKERJA**

Apakah Hari Cuti Pilihan Pekerja?

Hari Cuti Pilihan Pekerja ialah aturan yang memberikan fleksibiliti kepada pekerja yang dikehendaki bekerja pada hujung minggu. Aturan ini digunakan untuk menentukan hari cuti pekerja dengan kelulusan penyelia terdekat mereka.

01 | Sehari Bekerja Hujung Minggu

ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
Pilihan Hari Cuti	8 jam	8 jam	8 jam	8 jam	8 jam	Cuti

02 | Dua Hari Bekerja Hujung Minggu

ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
8 jam	Pilihan Hari Cuti	8 jam	Pilihan Hari Cuti	8 jam	8 jam	8 jam

03 | Dua belas (12) Jam Syif Kerja dalam Jadual Kitaran 3 Minggu

Pekerja bekerja 48 jam pada Minggu 1, 36 jam pada Minggu 2 dan 48 jam pada Minggu 3.


	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
Minggu 1	12 jam	12 jam	Pilihan Hari Cuti	Pilihan Hari Cuti	Pilihan Hari Cuti	12 jam	12 jam
Minggu 2	12 jam	Pilihan Hari Cuti	12 jam	Pilihan Hari Cuti	Pilihan Hari Cuti	12 jam	Cuti
Minggu 3	12 jam	Pilihan Hari Cuti	12 jam	Pilihan Hari Cuti	Pilihan Hari Cuti	12 jam	12 jam

Faktor-faktor keberkesanan Hari Cuti Pilihan Pekerja



Penetapan tahap kawalan terhadap aturan ini diperlukan bergantung pada polisi syarikat (iaitu jam masuk bekerja, pelaporan) supaya operasi perniagaan dapat dikekalkan.

Cabaran mendatang dan tindakan penyelesaian bagi pelaksanaan Hari Cuti Pilihan Pekerja

Cabaran	Penerangan	Tindakan Penyelesaian
 <p data-bbox="118 808 397 887">Ketidakpuasan hati pekerja</p>	<ul data-bbox="475 618 884 1016" style="list-style-type: none"> • Aturan ini mungkin terhad kepada individu atau unit operasi tertentu. • Aturan ini mungkin mengakibatkan rasa tidak puas hati atau rasa tidak adil dalam kalangan pekerja yang mungkin tidak layak untuk menikmati aturan ini. 	<ul data-bbox="949 618 1490 871" style="list-style-type: none"> • Pastikan penjelasan yang terperinci diberikan kepada pekerja. Aturan yang berbeza memberikan manfaat tertentu kepada kumpulan atau jenis kerja yang berbeza. Penjelasan ini perlu supaya pekerja berasakan penerapan aturan ini dilakukan secara adil.

Siapakah yang mendapat manfaat daripada pengaturan Hari Cuti Pilihan Pekerja?

Majikan yang ingin memenuhi objektif perniagaan seperti yang berikut:



Memenuhi keperluan operasi perniagaan yang memerlukan pekerja bekerja pada hujung minggu.



Menggalakkan integrasi kehidupan bekerja untuk pekerja yang dikehendaki bekerja pada hujung minggu.

Pekerja yang memenuhi kriteria seperti yang berikut:



Pekerja sepenuh masa, separuh masa dan kerja syif yang dikehendaki bekerja pada hujung minggu.



ISI PENTING: Rancang Hari Cuti Anda dengan Teliti

Rancang hari cuti awal, sebaik-baiknya 1 hingga 2 minggu sebelumnya bagi memudahkan penjadualan.

Komponen-komponen utama dalam polisi



Tujuan

Menggariskan objektif pelaksanaan Hari Cuti Pilihan Pekerja selaras dengan objektif perniagaan dan keperluan pekerja.



Kelayakan

Menentukan kumpulan sasaran yang layak memohon aturan Hari Cuti Pilihan Pekerja dengan mengambil kira pelbagai faktor seperti jabatan, jenis kerja, penilaian prestasi semasa dan sebagainya.



Jenis Aturan Kerja Fleksibel

Menjelaskan definisi Hari Cuti Pilihan Pekerja, jam yang dipersetujui seminggu dan keperluan waktu bekerja asas, jika perlu.



Pengurusan Prestasi

Menjelaskan bahawa proses pengurusan prestasi kerja standard akan dilaksanakan untuk pekerja yang menggunakan Hari Cuti Pilihan Pekerja.



Pampasan dan Faedah

Menjelaskan bahawa gaji, pampasan dan faedah lain tidak akan terkesan.



Kajian Semula Polisi

Menyatakan kekerapan polisi perlu dikaji semula oleh Unit Sumber Manusia (contohnya setiap suku tahun atau setiap tahun) dan polisi tersebut boleh dipinda atau dihentikan jika tidak memenuhi objektif perniagaan.

Di TalentCorp, kami membantu syarikat untuk memulakan pelaksanaan Aturan Kerja Fleksibel (FWA). Kami memberikan sokongan nasihat dan perkongsian amalan terbaik untuk membantu syarikat menguruskan cabaran-cabaran FWA dari segi organisasi dan sumber manusia. Kami sedia memberikan penyelesaian yang bersesuaian dengan keperluan perniagaan anda, sama ada untuk melaksanakan, mempertingkatkan atau mempromosikan FWA bagi syarikat anda.

Ingin memulakan perjalanan FWA anda?

Hubungi kami melalui e-mel flexworklife@talentcorp.com.my

atau layari laman sesawang kami di www.talentcorp.com.my



TalentCorp
KUMPULAN SYARIKAT

Talent Corporation Malaysia Berhad (201001035653)

Level 6, Surian Tower, No. 1 Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara

47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

T +603 7839 7000

E flexworklife@talentcorp.com.my W talentcorp.com.my



TalentCorpMsia



TalentCorpMsia



TalentCorpMsia



Talent Corporation Malaysia Berhad

©2021 Talent Corporation Malaysia Berhad (201001035653). Hak cipta terpelihara.

Walaupun setiap usaha telah diambil untuk memastikan ketepatan maklumat yang terkandung dalam penerbitan ini, TalentCorp tidak menjamin dan tidak membuat pernyataan atau jaminan sama ada tersurat atau tersirat, terhadap kelengkapan, ketepatan, kebolehpercayaan atau kesesuaian maklumat atau grafik berkaitan yang terkandung dalam penerbitan ini untuk sebarang tujuan. Sebarang pergantungan pada maklumat yang diberikan adalah sepenuhnya atas risiko sendiri. TalentCorp, atau mana-mana pekerjanya, tidak bertanggungjawab ke atas keistimewaan, secara langsung atau tidak langsung, berpengaruh, atau kerosakan sampingan atau apa-apa kerosakan, sama ada dalam pelanggaran kontrak atau apa-apa salah laku, yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan maklumat dan kandungan penerbitan ini.